A

Mohd Azhar bin Saad @ Abd Razak lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO K 05-43 TAHUN 1994

B GOPAL SRI RAM, ABDUL HAMID MOHAMAD AND ALAUDDIN HHMR 7 JULY 2005

Undang-undang Jenayah — Dadah Berbahaya — s 39B(1)(a) — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sama ada ahli kimia menggunakan kaedah yang betul dalam menentukan sama ada dadah adalah cannabis

C

Undang-undang Jenayah — Dadah Berbahaya — s 39B(1)(a) — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Anggapan undang-undang — Hakim bicara menggunakan dua anggapan undang-undang — Sama ada menjejaskan keputusan kes — Sama ada tertuduh membangkitkan sangkalan terhadap anggapa

D

Perayu di dalam kes ini telah dihadapkan ke Mahkamah Tinggi Alor Setar atas satu pertuduhan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta tersebut'). Perayu didapati bersalah di atas pertuduhan tersebut di atas dan beliau disabitkan dan dikenakan hukuman mati mandatori oleh Mahkamah Tinggi Alor Setar. Rayuan di hadapan mahkamah ini ialah terhadap sabitan dan hukuman.

E

Diputuskan, menolak rayuan tersebut, sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan:

F

(1) Di dalam kes ini adalah didapati bahawa ahli kimia telah menggunakan semua kaedah-kaedah yang perlu bagi menentukan bahawa dadah tersebut adalah cannabis. Berdasarkan kepada kes-kes *Leong Boong Huat v PP* [1993] 3 MLJ 11 dan *Shukri bin Mohamad v PP* [1995] 3 MLJ 229, mahkamah berpuas hati bahawa kaedah-kaedah yang digunapakai oleh ahli kimia bagi menentukan jenis dadah di dalam kes ini adalah betul (lihat perenggan 8–9).

G

(2) Sungguhpun Yang Arif Hakim di dalam kes ini telah menggunakan kedua-dua anggapan s 37(d) dan (da) Akta tersebut di akhir kes pendakwa, Mahkamah berpendapat bahawa berdasarkan fakta-fakta kes ia tidak menjejaskan keputusannya kerana tanpa menggunakan anggapan-anggapan itu pun kes pendakwa telah terbukti. Ini adalah kerana keterangan pendakwa jelas menunjukkan bahawa dadah berkenaan dijumpai di dalam jaket yang dipakai oleh perayu semasa beliau ditahan (lihat perenggan 10).

H

I

(3) Perayu telah gagal untuk menyangkal anggapan-anggapan undang-undang s 37(d) dan (da)(vi) Akta tersebut atas imbangan kebarangkalian atau sekurang-kurangnya telah gagal untuk menimbulkan keraguan munasabah ke atas fakta-fakta asas yang telah dibuktikan oleh pendakwa, bahawa dia mempunyai kawalan ke atas bungkusan yang mengandungi amaun ganja yang disebutkan dalam pertuduhan (lihat perenggan 16).

The appellant in this case was charged in Alor Setar High Court under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act'). The appellant was convicted and sentenced to mandatory death penalty by Alor Setar High Court. The appeal before this court was against the conviction and the sentence.

Held, dismissing the appeal, conviction and sentence upheld:

(1) In this case, the chemist was found to have used all available methods available to determine weather the drug was cannabis. Based on cases *Leong Boong Huat v PP* [1993] 3 MLJ 11 and *Shukri bin Mohamad v PP* [1995] 3 MLJ 229, the court was satisfied that the methods used by the chemist to determine the drug type were correct (see para 8–9).

(2) Although the learned judge in this case had used both presumptions under s 37(d) and (da) of the Act at the end of the prosecution's case, the court was of the opinion that based on the facts of the case, it did not affect the outcome of the case as even without the use of the presumptions, the prosecution's case was already proved, since the prosecutor's evidence clearly proved that the drug was found in appellant's jacket when he was arrested (see para 10).

(3) The appellant had failed to rebut the statutory presumptions under s 37(d) and (da)(vi) of the Act on the balance of probability or had at least failed to create a reasonable doubt on the facts proven by the prosecution, that he had control over the package containing the drug as stated in the charge (see para 16).

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan-perenggan 290–445.

Kes-kes yang dirujuk

Leong Boong Huat v PP [1993] 3 MLJ 11 (diikut)
Shukri bin Mohamad v PP [1995] 3 MLJ 229 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(d), (da)(vi), 39B(1)(a)

(Mayandi & Panjaram) bagi pihak perayu.
Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwa.

Alauddin HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Perayu di dalam kes ini telah dihadapkan ke Mahkamah Tinggi Alor Setar atas satu pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang berbunyi demikian:

> Bahawa kamu pada 6 Julai 1993, jam lebih kurang 3.33 petang, di BASE A Unit Alat-Alat Pengesan, Komplek Imigresen Bukit Kayu Hitam, di dalam Daerah Kubang Pasu, di dalam

Negeri Kedah Darul Aman, telah didapati di dalam milik kamu dadah berbahaya iaitu 'Ganja' seberat 926.1g untuk tujuan diperedarkan. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[2] Perayu didapati bersalah di atas pertuduhan tersebut di atas dan beliau disabitkan dan dikenakan hukuman mati mandatori oleh Mahkamah Tinggi Alor Setar.

[3] Rayuan di hadapan mahkamah ini ialah terhadap sabitan dan hukuman.

[4] Secara ringkas fakta kes adalah seperti berikut:

Pada 6 Julai 1993 jam lebih kurang 3.33 petang, perayu yang pada ketika itu memandu sebuah kereta jenis Proton Saga berwarna kuning dengan nombor pendaftaran BCU2519, datang dari arah sempadan Malaysia/Thailand telah ditahan oleh pengadu (PW4) L/Kpl Mohd Jumberee yang sedang bertugas di Base A, Unit Alat-Alat Pengesan, Komplek Imigresen, Bukit Kayu Hitam.

Pemeriksaan pada bahagian dalam kereta telah dilakukan oleh pengadu (PW4) dan setelah itu, pengadu mengarahkan perayu untuk keluar dari dalam keretanya dan membuka 'boot' belakang kereta. Sewaktu perayu keluar dari kereta itu, PW4 telah ternampak sesuatu yang menggelembung pada jaket yang dipakai oleh perayu. Ini juga telah dilihat oleh PW8 (Konstabel Tamilchelvan).

Pemeriksaan pada 'boot' belakang kereta itu hanya menemui peralatan bayi. Kemudian SP 4 telah membuat pemeriksaan keatas badan perayu. SP 4 merasai ada sesuatu di dalam jaket itu.

Hasil pemeriksaan badan ke atas perayu, dua bungkusan kertas akhbar Thailand yang mengandungi daun-daun tumbuhan telah dijumpai dari bahagian hadapan di dalam jaket yang dipakai oleh perayu. Setelah ditanya apakah barang yang dibawa oleh beliau, perayu menjawab dia membawa ganja. Pada ketika itu, perayu berada dalam keadaan menggeletar.

Kemudian perayu telah ditahan dan barang-barang yang dijumpai itu telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.

[5] Di akhir kes pendakwa di Mahkamah Tinggi, setelah menghalusi dan menimbangkan keterangan saksi-saksi secara menyeluruh, terutama sekali keterangan saksi-sakti utama seperti SP1, SP2, SP4, SP5 dan SP8, serta dengan menilai kebolehpercayaan mereka, dan setelah melihat sendiri barang-barang eksibit yang dikemukakan ke mahkamah dan dengan merujuk kepada anggapan-anggapan undang-undang di bawah s 37(d) dan (da)(vi) Akta Dadah Berbahaya 1952, dan juga setelah menimbangkan hujah-hujah pihak pendakwa Yang Arif Hakim berpuashati tanpa keraguan munasabah bahawa terdapat suatu kes prima facie yang perlu dijawab oleh perayu.

[6] Perayu di dalam pembelaannya menyatakan bahawa:

(a) bahan yang berupa daun-daun kering yang didapati daripadanya itu dijumpa oleh SP4, bukan di dalam jaketnya, tetapi di dalam kereta (BCD2519 yangdipandu olehnya) di bawah tempat duduk pemandu;

(b) bahan dalam bungkusan-bungkusan itu bukanlah ganja (cannabis) semata-mata tetapi adalah campuran daun-daun tembakau kering dengan daun-daun ganja kering; dan

(c) ia bukanlah seorang pengedar tetapi seorang penagih; dan campuran daun-daun kering ganja-tembakau yang dijumpai daripadanya itu adalah hanya untuk kegunaannya sendiri sahaja.

[7] Peguam perayu semasa berhujah di dalam rayuan ini hanya menimbulkan satu perkara sahaja iaitu mengenai keterangan ahli kimia. Beliau mempertikaikan kaedah yang digunakan oleh ahli kimia semasa menimbang ganja tersebut.

[8] Di dalam kes ini adalah didapati bahawa ahli kimia telah menggunakan semua kaedah-kaedah yang perlu bagi menentukan bahawa dadah tersebut adalah cannabis.

[9] Berdasarkan kepada kes-kes *Leong Boong Huat v PP* [1993] 3 MLJ 11 dan *Shukri bin Mohamad v PP* [1995] 3 MLJ 229 kami seperti juga Yang Arif Hakim, berpuas hati bahawa kaedah-kaedah yang digunapakai oleh ahli kimia bagi menentukan jenis dadah di dalam kes ini adalah betul.

[10] Sungguhpun Yang Arif Hakim di dalam kes ini telah menggunakan kedua-dua anggapan s 37(d) dan (da) di akhir kes pendakwa, kami berpendapat bahawa berdasarkan fakta-fakta kes ia tidak menjejaskan keputusannya kerana tanpa menggunakan anggapan-anggapan itu pun kes pendakwa telah terbukti. Ini adalah kerana keterangan pendakwa jelas menunjukkan bahawa dadah berkenaan dijumpai di dalam jaket yang dipakai oleh perayu semasa beliau ditahan.

[11] Definasi 'mengedar' (trafficking) seperti yang terdapat di s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah sangat luas dan merangkumi, antara lain, perbuatan 'menyembunyi' (concealing) dan 'membawa' (carrying).

[12] Setelah meneliti pembelaan perayu, Yang Arif Hakim menyatakan bahawa beliau tidak dapat menerima pembelaannya dan telah memberi sebab-sebab mengapa beliau berpendapat demikian.

[13] Menyentuh pembelaan perayu bahawa beliau adalah seorang penagih, Yang Arif Hakim menyatakan sekiranya itu benar sudah pasti perayu akan menunjukkan tanda-tanda ketagihannya. Tetapi, aneh sekali, perayu di dalam keterangannya tidak langsung menceritakan tentang penghisapan ganja pada hari dia ditangkap, baik semasa di rumah bapanya di Kota Sarang Semut atau semasa dalam perjalannnya ke Danok ataupun semasa di rumah kawannya di Danok. Jika benar dia seorang penagih yang teruk tentu sekali tanda-tanda penagihannya dapat dikesan oleh pegawai-pegawai polis termasuk pegawai penyiasat. Tetapi tidak seorang pun saksi pendakwa semasa disoalbalas oleh pembela disarankan tentang fakta bahawa perayu adalah seorang penagih dadah.

[14] Beralih kepada pembelaan perayu mengenai jaketnya yang dikatakan tersangkut di penyandar kerusi pemandu dan bungkusan yang dijumpai pihak polis didapati di bawah kerusi pemandu dan bukan di dalam jaketnya, dan bungkusan berkenaan bukanlah mengandungi ganja tetapi mengandungi campuran daun-daun ganja kering dan tembakau kering, Yang Arif Hakim di dalam penghakimannya menyatakan bahawa apa yang tidak memuaskan dengan pembelaan ini ialah semasa saksi-saksi pendakwa (termasuk ahli kimia — SP1) memberi keterangan, dakwaan-dakwaan ini tidak pernah disarankan kepada mereka. Malah, dakwaan-dakwaan tersebut merupakan dakwaan yang penting bagi pembela, cuma dibuat oleh perayu semasa disoalbalas oleh timbalan pendakwa raya.

A

[15] Di dalam penghakimannya, Yang Arif Hakim ada juga menyatakan bahawa terdapat beberapa aspek lain dari pembelaan perayu yang beliau dapati tidak konsisten dan tidak memuaskan. Setelah kami meneliti aspek-aspek tersebut, kami bersetuju dengan pendapat Yang Arif Hakim.

B

[16] Pada keseluruhannya, berdasarkan alasan-alasan yang telah diberikan oleh Yang Arif Hakim, kami bersetuju bahawa perayu telah gagal untuk menyangkal anggapan-anggapan undang-undang (s 37(d) dan (da)(vi)) atas imbangan kebarangkalian atau sekurang-kurangnya telah gagal untuk menimbulkan keraguan munasabah ke atas fakta-fakta asas yang telah dibuktikan oleh pendakwa, bahawa dia

C mempunyai kawalan ke atas bungkusan yang mengandungi amaun ganja yang disebutkan dalam pertuduhan.

[17] Justeru, kami sebulat suara bersetuju bahawa rayuan ini ditolak. Sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan.

D *Rayuan ditolak. Sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan.*

Reported by Peter Ling

E

F

G

H

I